

Headline	1,000 terima tawaran haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jun 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	2	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	150 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,723
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,169



PROGRAM KHAS HAJI PERDANA MENTERI YAYASAN 1MDB

1,000 terima tawaran haji

Putrajaya: Seramai 1,000 orang menerima surat tawaran haji menerusi Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) 2014/1435 daripada Datuk Seri Najib Razak di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, di sini, semalam.

Selain imam dan pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), penerima kali ini turut membabitkan lapan guru pondok dan dua Tok Batin.

Meréka menerima wang RM1,000, kain pasang, kain pelekat dan kurma setiap seorang.

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, program itu bagi menghargai jasa imam dan pengerusi JKKK di seluruh negara.

Jasa imam, ketua kampung dihargai

"Tuan-tuan banyak jasa dan khidmatnya. Peranan imam dan ketua kampung besar da-

lam masyarakat kita. Institusi ini saya anggap amat penting sebagai teras kesejahteraan sosial dalam negara," katanya.

Perdana Menteri melancarkan program Ramadan Al-Mubarok peringkat nasional dan pengagihan kurma serta air zam zam kepada masjid seluruh negara, anjuran Biro Kebijakan UMNO.

Najib berkata, program itu akan diteruskan pada masa akan datang, malah mungkin diperluaskan dengan membeli peluang kepada bilal dan tok siak untuk menunaikan haji.

"Insya-Allah, kita akan teruskan pada masa depan. Mungkin kita akan cari bilal dan tok siak supaya yang lain dapat menunaikan rukun Islam kelima," katanya.

Najib berkata, kemakmuran negara hasil pengurusan yang baik oleh kerajaan tidak boleh dipandang ringan kerana ia akan dipulangkan semula kepada rakyat dalam pel-

bagai bentuk seperti program Khas Haji Perdana Menteri.

Saya dijangka menunaikan haji 50 tahun lagi. Tawaran khas ini melegakan penantian saya selama ini"

**Ismail Awang Kechek,
Guru pondok**

Saya tidak pernah mendaftar di Lembaga Tabung Haji. Saya bersyukur kerana diberi peluang ini"

**Abdul Rani Abdullah,
Tok Batin**